

# GARIS PANDUAN

## PENGLIBATAN PELAJAR DALAM PEMBELAJARAN TERBUKA DAN SECARA JARAK JAUH / *OPEN & DISTANCE LEARNING (ODL)* DI UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (UiTM)

### I. TUJUAN

Garis panduan ini bertujuan untuk menerangkan kaedah pelaksanaan pemantauan *Open and Distance Learning (ODL)* di Universiti Teknologi MARA (UiTM).

### II. LATAR BELAKANG

Pada tahun 1993, Menteri Pelajaran Malaysia telah memperkenalkan dasar bagi menggalakkan universiti menawarkan program secara *Open and Distance Learning (ODL)*. Konsep pembelajaran untuk semua yang dipimpin oleh UNESCO adalah untuk memastikan pendidikan boleh diperoleh oleh semua tidak kira bangsa, jantina dan status sosial. Konsep pembelajaran konvensional secara bersemuka tidak akan dapat mencapai hasrat pembelajaran untuk semua. Oleh itu, ODL adalah salah satu pendekatan yang dipercayai akan memecahkan kekangan kaedah penyampaian dan pembelajaran pelajar.

### III. DEFINISI

Istilah *Open and Distance Learning (ODL)* atau pembelajaran terbuka dan jarak jauh mencerminkan kedua-dua fakta bahawa semua atau kebanyakan pengajaran dikendalikan oleh seseorang dalam masa dan ruang yang terpisah dari pelajar, dan misi tersebut bertujuan untuk merangkumi dimensi autonomi pelajar, keterbukaan dan fleksibiliti yang lebih besar, sama ada dalam soal akses, kurikulum atau lain-lain elemen struktur (UNESCO, 2002).

Kebanyakan definisi ODL memberi perhatian kepada pemisahan pensyarah serta pelajar dalam masa dan tempat, akreditasi institusi dalam penggunaan bahan pelbagai-media, penglibatan komunikasi dua hala, perjumpaan bersemuka dan penggunaan proses perindustrian.

Pembelajaran ODL merujuk kepada pendidikan dan latihan di mana ciri utama pengalaman pembelajaran adalah penggunaan sumber pembelajaran, berbanding dengan menghadiri sesi kuliah ialah ciri utama pengalaman pembelajaran (Commonwealth of Learning, 2003).

#### IV. PENGENALAN

Pembelajaran *Open and Distance Learning (ODL)* merujuk kepada peruntukan peluang pembelajaran yang fleksibel dari segi akses dan pelbagai mod pemerolehan pengetahuan.

FLEKSIBEL	AKSES	PELBAGAI MOD
bermaksud pilihan yang tersedia bagi mendapatkan pendidikan di mana sahaja, bila-bila masa dan dengan apa cara sekalipun.	bermaksud peluang yang diadakan untuk semua bagi membebaskan mereka dari kekangan masa dan tempat.	bermaksud penggunaan pelbagai sistem penyampaian dan sumber pembelajaran.

(Ahmad,Phillips,Sanathi & Wahid 2010)

ODL boleh dilaksanakan dengan kaedah pendidikan gaya pos, pembelajaran di rumah, pembelajaran sendiri, pengajian luaran, pendidikan berterusan, pengajaran jarak jauh, pendidikan dewasa, pendidikan berasaskan atau melalui teknologi, pendidikan berpusatkan pelajar, pembelajaran terbuka, akses terbuka, pembelajaran fleksibel dan pembelajaran teragih.

#### V. PELAKSANAAN

Pelbagai kaedah pelaksanaan ODL boleh dilaksanakan bagi memastikan pembelajaran dapat diteruskan. Namun kaedah yang digunakan perlu mengambil kira kekangan yang dihadapi oleh pelajar dan pensyarah. Kaedah ini boleh dilaksanakan secara segerak (*Synchronous*) atau tidak segerak (*Asynchronous*). **Synchronous** merujuk kepada interaksi yang berlaku secara segerak dalam masa nyata (secara langsung pada masa itu). **Asynchronous** merujuk kepada interaksi yang berlaku secara tidak segerak atau mod tertangguh. Antara kaedah yang boleh dilaksanakan bagi ODL adalah seperti berikut:

<b>POS</b>	Kaedah pembelajaran melalui pos merupakan kaedah penggunaan teknologi yang paling minima boleh digunakan. Bahan pembelajaran perlu dihantar dalam bentuk cetakan (Hard Copy) atau Digital (Softcopy) dengan menggunakan USB Drive atau DVD. Walaupun begitu kaedah ini memerlukan masa untuk penghantaran.
<b>VOICE MESSAGE (PESANAN SUARA)</b>	<i>Voice Message</i> merupakan kaedah penyampaian pesanan melalui suara. <i>Voice Message</i> ini boleh dihantar dengan satu paket suara oleh penghantar kepada penerima sebagai satu kaedah komunikasi pasif.

SMS	Kaedah Kiriman Pesanan Ringkas atau SMS juga merupakan satu kaedah penggunaan teknologi yang paling rendah dan berkesan. Pelajar tidak perlu mempunyai kemudahan internet untuk menerima SMS daripada pensyarah. Namun Pensyarah perlu menghantar bahan pembelajaran dalam bentuk teks kepada pelajar.
TELEFON/ LANDLINE	Telefon atau landline merupakan kaedah penyampaian alternatif terbaik sekiranya pelajar tidak mempunyai kemudahan internet. Pelajar boleh dihubungi melalui talian bimbit atau menggunakan telefon talian kekal.
RADIO/TV	Siaran Radio atau Televisyen merupakan kaedah penyampaian siaran yang menggunakan gelombang frekuensi bagi radio dan isyarat digital bagi televisyen. Pensyarah perlu menghantar bahan pembelajaran dalam bentuk audio atau video kepada stesen radio atau stesen televisyen untuk disiarkan.
E-MEL	E-mel merupakan kaedah secara penyampaian pembelajaran yang menggunakan kemudahan jalur internet yang rendah. Pensyarah disaran untuk menggunakan kaedah ini sekiranya sesuai dengan keadaan pelajar.
MEDIA SOSIAL/ WEB 2.0	Pelajar yang mempunyai kemudahan internet namun mempunyai kekangan data boleh menggunakan media sosial seperti Facebook, WhatsApp, Telegram, Youtube, dan lain-lain yang dirasakan sesuai dengan keadaan dan kontek pembelajaran. Beberapa aplikasi media sosial boleh dilaksanakan secara langsung atau tidak langsung. Kebanyakan syarikat telco memberi akses percuma kepada pelajar bagi menggunakan aplikasi sosial media tertentu.
LIVE CHAT	<i>Live Chat</i> merujuk kepada sebarang komunikasi melalui internet yang menawarkan penghantaran masa nyata bagi pesanan teks daripada pengirim kepada penerima. <i>Live Chat</i> memerlukan kemudahan internet dan perisian tertentu.

<b>LMS</b>	UiTM mempunyai pelantar e-Pembelajaran seperti iLearn, UFuture dan iClass bagi tujuan penyampaian dan pembelajaran. Selain itu para pensyarah juga digalakkan untuk menggunakan pelantar alternatif seperti Google Classroom, Microsoft Team dan lain-lain pelantar bagi melancarkan pelaksanaan ODL di UiTM.
<b>APLIKASI SIDANG VIDEO</b>	Aplikasi sidang video Google Meet, Cisco Webex, Microsoft Team dan lain-lain memerlukan kemudahan kelajuan dan data internet yang tinggi. Kebanyakan aplikasi sidang video mempunyai fungsi <i>Live Chat</i> sebagai alternatif komunikasi antara penghantar dan penerima.

## VI. PEMANTAUAN PENGLIBATAN PELAJAR

Penglibatan dan keterlibatan pelajar adalah lebih bermakna dalam ODL jika dibandingkan dengan sekadar kehadiran melalui login-logout. Penglibatan pelajar boleh dilaksanakan melalui *questioning*, refleksi, latihan atau penyelesaian masalah, penyempurnaan tugas mini, dan seumpamanya yang memerlukan pelajar membuktikan pemahaman dan mengaplikasi apa yang dipelajari sepanjang sesi pembelajaran.

Pelaksanaan ODL dengan menggunakan pelbagai kaedah penyampaian perlu mempunyai kaedah pemantauan agar penglibatan pelajar terus berlaku. Penggunaan pelbagai kaedah juga mempunyai pelbagai kaedah dokumentasi untuk memastikan pembelajaran dan pemantauan pelajar diselia. Laporan perlu dicatatkan dalam dokumen yang mudah diselia oleh *Resource Person (RP)* atau Ketua Pusat Pengajian (KPP).

### A Kaedah Dokumentasi

Berikut adalah kaedah dokumentasi yang boleh digunakan mengikut kaedah penyampaian yang digunakan.

<b>POS</b>	Pensyarah perlu membuat dokumentasi bagi setiap aktiviti pembelajaran yang telah dipos dan diterima untuk memastikan penglibatan pelajar berlaku.
<b>VOICE MESSAGE (PESANAN SUARA)</b>	Setiap <i>Voice Message</i> yang dihantar akan mempunyai log penghantaran dan penerimaan yang boleh dijadikan sebagai bukti penglibatan aktiviti pembelajaran.

SMS	Setiap Kiriman Pesanan mempunyai log waktu dan tarikh yang boleh direkodkan bagi melihat penglibatan pelajar dalam pembelajaran. SMS dan telefon juga boleh digunakan sebagai rekod aktiviti bagi penyampaian pembelajaran yang menggunakan siaran radio dan televisyen.
TELEFON/ LANDLINE	Log panggilan boleh digunakan sebagai dokumentasi penglibatan pembelajaran. Inisiatif rakaman suara panggilan boleh dijadikan sebagai sumber rujukan. Rakaman Telefon juga boleh dijadikan sebagai salah satu tugas persembahan pelajar sama ada panggilan di antara pelajar bersama pelajar atau pelajar bersama pensyarah. Kini terdapat pelbagai cara yang boleh digunakan untuk merakam panggilan.
RADIO/TV	Dokumentasi Radio atau TV boleh dibuat secara rakaman sebagai bukti penyampaian dan pembelajaran. Siaran Radio dan TV juga mempunyai Log siaran yang boleh direkodkan.
E-MEL	E-mel mempunyai sistem pengrekodan yang baik bagi setiap transaksi. Pensyarah boleh menggunakan setiap aktiviti yang direkodkan sebagai bukti penglibatan pelajar. Pensyarah disaran untuk mengaktifkan Akaun Google Gmail bagi mendapatkan pakej storan tanpa had.
MEDIA SOSIAL/ WEB 2.0	Penglibatan pelajar bagi setiap aktiviti yang disediakan perlu mempunyai rekod bagi setiap media sosial yang digunakan sebagai bukti penglibatan. Kebanyakan media sosial mempunyai ciri <i>export</i> atau <i>export chat</i> yang boleh digunakan sebagai rekod penglibatan pelajar.
LIVE CHAT	Kebanyakan aplikasi <i>Live Chat</i> mempunyai fungsi merekod log pendaftaran dan teks perbualan sebagai dokumentasi dan rujukan. Pensyarah perlu menyimpan setiap aktiviti pembelajaran sebagai bukti dan rujukan.

LMS	Penggunaan pelantar e-pembelajaran UiTM seperti i-Learn, Ufuture dan iClass mempunyai sistem rekod log tersendiri. Pengguna boleh mengaktifkan fungsi log ini dengan mendaftar kursus sebagai Blended Learning (BL). Bagi pelantar selain pelantar e-pembelajaran UiTM perlu membuat laporan bagi setiap penglibatan pelajar terhadap aktiviti yang diberi.
APLIKASI SIDANG VIDEO	Beberapa Aplikasi Sidang Video mempunyai fungsi rekod log pendaftaran, video dan teks. Rakaman log pendaftaran, video dan teks ini boleh dijadikan sebagai bukti penglibatan pelajar bagi aktiviti pembelajaran yang berlaku.

### **B** Pelaporan Penglibatan

Penglibatan pelajar perlu dipantau sepanjang semester. Untuk pelaporan, dokumentasi penglibatan pelajar boleh dibuat menurut sesi pembelajaran yang boleh dilaksanakan dalam tempoh masa berikut:

- Penglibatan dalam satu hingga dua minggu untuk setiap satu sesi pembelajaran kaedah pos.
- Penglibatan dalam satu minggu untuk setiap satu sesi pembelajaran menggunakan kaedah teknologi mudah tidak bergerak seperti gabungan mel elektronik dan media sosial.
- Penglibatan dalam tempoh masa yang didaftarkan dalam setiap satu sesi pembelajaran bergerak seperti real time chat, dan sidang video.

### **C** Panduan Aktiviti

Setiap aktiviti pelajar perlu berlaku setiap minggu bagi mengikut kandungan kursus yang telah ditetapkan bagi memastikan hasil pembelajaran tercapai. Pensyarah perlu kreatif untuk memastikan aktiviti pembelajaran sesuai mengikut kaedah penyampaian yang digunakan. Bilangan minimum aktiviti dan unit sesi pembelajaran menurut kaedah penyampaian ODL yang dicadangkan adalah seperti berikut:

KAEDAH PENYAMPAIAN	MOD	TEMPOH SATU UNIT SESI PEMBELAJARAN YANG DIPANTAU	KAEDAH DOKUMENTASI PENGLIBATAN PELAJAR	BILANGAN MINIMUM AKTIVITI
POS	Tidak Segera/ Asynchronous	1-2 Minggu	Log hantar/terima penghantaran tugas	1-2 aktiviti bagi 1-2 minggu
VOICE MESSAGE (PESANAN SUARA)	Tidak Segera/ Asynchronous	1 Minggu	Log hantar/terima penghantaran tugas	Satu aktiviti per minggu
SMS	Tidak Segera/ Asynchronous	1 Minggu	Log hantar/terima penghantaran tugas	Satu aktiviti per minggu
TELEFON/LANDLINE	Segerak/ Synchronous	Tempoh masa sebenar	Rakaman/log panggilan/ penghantaran respon atau tugas	Satu aktiviti per minggu
RADIO/TV	Segerak/ Synchronous	Tempoh masa sebenar	Log siaran radio/TV, penghantaran tugas	Satu aktiviti per minggu
E-MEL	Tidak Segera/ Asynchronous	1 Minggu	Log hantar/terima penghantaran tugas	Satu aktiviti per minggu
MEDIA SOSIAL/ WEB 2.0	Tidak Segera/ Asynchronous	1 Minggu	Log masuk-keluar/ export chat/log aktiviti/ penghantaran tugas	Satu aktiviti per minggu
LIVE CHAT	Segerak/ Synchronous	Tempoh masa sebenar	Rakaman log pendaftaran, teks/export chat	Satu aktiviti per minggu
LMS	Tidak Segera/ Asynchronous	1 Minggu	Log masuk-keluar/ log aktiviti/ respon dalam forum/ penghantaran tugas	Satu aktiviti per minggu
APLIKASI SIDANG VIDEO	Segerak/ Synchronous	Tempoh masa sebenar	Rakaman log pendaftaran, video dan teks	Satu aktiviti per minggu
MEDIA SOSIAL LANGSUNG	Segerak/ Synchronous	Tempoh masa sebenar	Rakaman log pendaftaran, video/teks/export session	Satu aktiviti per minggu

## VII. PENUTUP

Penyampaian dan pembelajaran secara ODL tidak menekankan isu kehadiran sebaliknya menekankan penglibatan pelajar terhadap aktiviti pembelajaran. Dalam penyampaian dan pembelajaran ODL kehadiran tidak menjamin keterlibatan pelajar. Oleh itu pemantauan terhadap penglibatan pelajar dengan aktiviti pembelajaran adalah yang paling utama dan perlu direkodkan agar kualiti penyampaian dan pembelajaran pelajar tercapai.

## VIII. LAMPIRAN

Contoh Laporan Penglibatan Pelajar untuk Pembelajaran ODL kaedah SMS/E-Mel/Voice Message yang boleh digunakan oleh pensyarah (sama ada dalam bentuk MS Excel /sistem yang dibangunkan)

BIL.	NAMA PELAJAR	NO. PELAJAR	SESI PEMBELAJARAN		PENGLIBATAN SESI PEMBELAJARAN 1	
			PENERIMAAN E-MEL/SMS	LATIHAN (SOALAN 3, 5 & 6)	AKTIVITI 1	AKTIVITI 2
1	ISKANDAR ZAINUDIN	2019456234	13/4/2020	15/4/2020	19/4/2020	3/3 (100%)
2	SURIYANI SALLEH	2019876123	13/4/2020	14/4/2020	16/4/2020	3/3 (100%)
3	KHAIRIL ARIFIN	2019452134	13/4/2020	15/4/2020	-	2/3 (67%)

## ATAU

BIL.	NAMA PELAJAR	NO. PELAJAR	SESI PEMBELAJARAN		PENGLIBATAN SESI PEMBELAJARAN 1	
			PENERIMAAN E-MEL/SMS	LATIHAN (SOALAN 3, 5 & 6)	AKTIVITI 1	AKTIVITI 2
1	ISKANDAR ZAINUDIN	2019456234	✓	✓	✓	3/3 (100%)
2	SURIYANI SALLEH	2019876123	✓	✓	✓	3/3 (100%)
3	KHAIRIL ARIFIN	2019452134	✓	✓	-	2/3 (67%)